

Malaysia pusat pelaburan paling popular

ULSAN (Korea Selatan): Malaysia disenaraikan oleh Persatuan Industri Pemasaran Korea Selatan sebagai pusat pelaburan paling popular di rantau ini.

Sambil menyifatkannya sebagai "amat menggalakkan", Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata seperti Korea, Malaysia turut melaksanakan projek pembangunan ke arah menjadi negara yang maju dan makmur.

"Kita berkeyakinan untuk menjadi negara industri sepenuhnya pada tahun 2020," katanya.

Bagi mencapai matlamat itu, katanya, Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) menekankan pada pembangunan yang luas untuk dilaksanakan pada dekad akan datang.

"Rancangan ini boleh mencapai kejayaan kerana ia dirancang berdasarkan pencapaian dahulu dan kemampuan sekarang dengan penekanan utamanya terhadap menggalakkan perkembangan ekonomi yang seimbang, meluas, berdaya tahan dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa," katanya di majlis penyerahan dan menamakan kapal baru kontena Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC), *Bunga Pelangi*.

Perdana Menteri berkata, Rancangan Malaysia Keenam (RM6) yang menggariskan strategi bagi pertumbuhan dan pembangunan bagi tempoh lima tahun akan datang, dirangka bagi menarik sebanyak mungkin pelaburan sektor swasta.

Katanya, RM6 mempunyai matlamat mencapai pertumbuhan Keluaran Balam Negara Kasar (KDNK) yang diselaras dengan kadar inflasi 7.5 peratus pada 1991 hingga 1994.

Pelaburan sebenar sektor swasta, katanya, dijangka mencapai 23.1 peratus manakala RM6 menyediakan jaminan kepada pelabur asing, termasuk dari Korea, bahawa kerajaan akan meneruskan dasar liberalnya berhubung keperluan ekuiti bagi pelabur asing dalam bidang pembuatan dan pelancongan.

Mengenai majlis penyerahan dan menamakan kapal *Bunga Pelangi*, Datuk Seri Dr Mahathir menyifatkannya sebagai satu lagi langkah konkrit dalam meningkatkan hubungan perdagangan di antara Malaysia dan Korea Selatan.

Katanya, banyak kegiatan perniagaan berkembang yang memberi faedah kepada kedua-dua negara sejak kebelakangan ini.

Malaysia pusat pelaburan paling popular

ULSAN (Korea Selatan): Malaysia disenaraikan oleh Persatuan Industri Pemasaran Korea Selatan sebagai pusat pelaburan paling popular di rantau ini.

Sambil menyifatkannya sebagai "amat menggalakkan", Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata seperti Korea, Malaysia turut melaksanakan projek pembangunan ke arah menjadi negara yang maju dan makmur.

"Kita berkeyakinan untuk menjadi negara industri sepenuhnya pada tahun 2020," katanya.

Bagi mencapai matlamat itu, katanya, Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) menekankan pada pembangunan yang luas untuk dilaksanakan pada dekad akan datang.

"Rancangan ini boleh mencapai kejayaan kerana ia dirancang berdasarkan pencapaian dahulu dan kemampuan sekarang dengan penekanan utamanya terhadap menggalakkan perkembangan ekonomi yang seimbang, meluas, berdaya tahan dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa," katanya di majlis penyerahan dan menamakan kapal baru kontena Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC), *Bunga Pelangi*.

Perdana Menteri berkata, Rancangan Malaysia Keenam (RM6) yang menggariskan strategi bagi pertumbuhan dan pembangunan bagi tempoh lima tahun akan datang, dirangka bagi menarik sebanyak mungkin pelaburan sektor swasta.

Katanya, RM6 mempunyai matlamat mencapai pertumbuhan Keluaran Balam Negara Kasar (KDNK) yang diselaras dengan kadar inflasi 7.5 peratus pada 1991 hingga 1994.

Pelaburan sebenar sektor swasta, katanya, dijangka mencapai 23.1 peratus manakala RM6 menyediakan jaminan kepada pelabur asing, termasuk dari Korea, bahawa kerajaan akan meneruskan dasar liberalnya berhubung keperluan ekuiti bagi pelabur asing dalam bidang pembuatan dan pelancongan.

Mengenai majlis penyerahan dan menamakan kapal *Bunga Pelangi*, Datuk Seri Dr Mahathir menyifatkannya sebagai satu lagi langkah konkrit dalam meningkatkan hubungan perdagangan di antara Malaysia dan Korea Selatan.

Katanya, banyak kegiatan perniagaan berkembang yang memberi faedah kepada kedua-dua negara sejak kebelakangan ini.